



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN
YTM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ
“NEGARAWAN SEJUTA JASA”**

5 OGOS 2024 (ISNIN) | 2.00 PETANG

**PIAZZA, PAVILION BUKIT JALIL
KUALA LUMPUR**

Assalammualaikum Warahatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Alhamdulillah, Nahmadhu Wa Nusalli Ala Rasoolihil Kareem

Terima kasih saudara pengacara majlis

SALUTASI (AKAN DIMUKTAMADKAN SEBELUM MAJLIS)

Tan Sri, Datuk Seri, Datuk, Datin, tuan-tuan, puan-puan yang saya muliakan,

1. Bagi pihak Kerajaan, tentunya kita memanjatkan sepenuh rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, generasi kini masih mencintai sejarah dan sentiasa mengenang jasa bakti negarawan ulung yang diletakkan sebagai asas pembinaan negara Malaysia tercinta.

2. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam takzim YAB Perdana Menteri, beliau tidak dapat bersama-sama pada hari ini atas tugasan yang lain. Beliau mendoakan agar majlis pada hari ini berjalan dengan baik dan lancar serta memperoleh penghayatan dan inspirasi yang sangat bermakna buat generasi yang ditinggalkan.

3. Kepada Yang Mulia Tunku Muinuddin Tunku Ahmad Nerang dan keluarga, kami ingin menyampaikan penghargaan tertinggi di atas kesediaan saudara-saudara termasuk sahabat handai serta rakan-rakan Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melapangkan masa berharga untuk bersama-sama kami mengenang jasa dan sumbangan Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra pada petang yang berbahagia ini.

Hadirin hadirat yang saya muliakan sekalian,

4. Ibarat kata pepatah Melayu "Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Begitulah ungkapan yang paling tepat dan sesuai untuk menggambarkan jasa dan sumbangan negarawan ulung Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Abdul Rahman Putra. Berbicara tentang Tunku, sudah pastilah fikiran kita akan mengimbau kepada peristiwa kemerdekaan negara dan pembentukan Malaysia.
5. Rundingan Baling yang berlaku selama dua hari pada 28 dan 29 Disember 1955 boleh dianggap sebagai usaha terakhir Kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman untuk meyakinkan pihak British bahawa rakyat tempatan layak memerintah dan bersedia untuk

menuntut kemerdekaan. Rundingan ini telah menunjukkan ketegasan Tunku dalam menentang pengaruh komunis.

6. Demi sebuah kemerdekaan, YTM Tunku sedaya upaya menyatupadukan penduduk pelbagai kaum di Tanah Melayu. UMNO yang dipimpin oleh YTM Tunku telah menjalankan kerjasama dengan Persatuan Cina Malaya (MCA) yang diterajui oleh Tun Tan Cheng Lock dan Kongres India Malaya (MIC) yang diketuai oleh Tun V.T. Sambanthan bagi bersama-sama menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. 31 Ogos 1957 menjadi tarikh keramat apabila kemerdekaan negara ini diperoleh tanpa perlu menumpahkan darah rakyat sebagaimana yang terjadi di kebanyakan negara lain yang terpaksa berperang untuk membebaskan diri daripada penjajahan.
7. Sebagai mengenang jasa Tunku dalam membebaskan tanah air, Tunku telah dianugerahkan gelaran 'Bapa Kemerdekaan Tanah Air' pada 29 Ogos 1957 ketika Persidangan Agong UMNO yang berlangsung dari 29 hingga 30 Jun 1957. Pengurniaan gelaran ini secara rasmi telah diadakan pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor.

Hadirin hadirat yang saya muliakan sekalian,

8. Sesungguhnya Tunku adalah seorang pemimpin yang berwawasan dan berpandangan jauh. Sesudah berjaya memperolehi kemerdekaan, Tunku telah berusaha membentuk sebuah gagasan yang baharu dengan mencadangkan penubuhan Malaysia iaitu gabungan di antara Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak, Brunei dan Singapura demi mencapai kestabilan dan keseimbangan kaum serta mengekang fahaman komunis yang berleluasa ketika itu. Hasrat menubuhkan Malaysia telah dinyatakan ketika Tunku berucap dalam satu majlis jamuan makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Asing Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961.
9. Pelbagai reaksi telah diterima berikutan pengumuman yang dibuat oleh Tunku mengenai gagasan Malaysia. Keputusan Borneo Utara, Sarawak dan Singapura untuk menyertai Persekutuan Tanah Melayu membentuk Malaysia tidak dipersetujui dan dibantah sekeras-kerasnya oleh negara jiran seperti Indonesia dan Filipina. Mereka beranggapan pembentukan Malaysia adalah suatu bentuk penjajahan baharu oleh kuasa Barat yang boleh menjadi ancaman kepada negara mereka. Berikutan itu, beberapa siri penentangan telah dilancarkan oleh Indonesia dan Filipina. Pada 20 Januari 1962, Indonesia telah melancarkan

konfrantasi terhadap Persekutuan Tanah Melayu dengan kempen “Ganyang Malaysia”. Manakala Filipina pula telah membuat tuntutan ke atas Borneo Utara.

10. Setelah melalui proses yang panjang dan atas semangat setiakawan dari wakil-wakil pemimpin seperti Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah Anak Barieng dari Sarawak, Tun Datu Mustapha Datu Harun dan Tun Muhammad Fuad Stephens dari Sabah akhirnya idea melahirkan sebuah negara baharu bernama ‘Malaysia’ berjaya direalisasikan. Tarikh 16 September 1963 menjadi lambang dan titik tolak kepada kesepakatan pemimpin dan rakyat ketiga-tiga wilayah untuk bergabung di bawah satu payung negara dan dikenali sebagai satu bangsa Malaysia ibarat bulat segiling, pecak setapik. Malaysia berjaya dibentuk tanpa penyertaan daripada Brunei.
11. Dalam lembut ada kerasnya. Walau dilihat sentiasa murah dengan senyuman, namun Tunku sangat tegas dan mempunyai keyakinan yang tinggi. Situasi ini terlihat ketika terjadinya peristiwa pemisahan Singapura dari Malaysia yang berlaku pada 9 Ogos 1965. Tindakan Tunku dibuat demi memelihara keamanan dan kestabilan negara akibat perbezaan ideologi yang ketara di antara pemimpin kerajaan persekutuan dengan pemimpin Singapura. Keputusan ini dibuat untuk menjaga perpaduan dan

keharmonian dalam kalangan rakyat serta mengelakkan perbalahan yang bersifat perkauman.

12. Ketokohan Tunku di arena antarabangsa turut dikagumi kawan dan lawan. Kehebatan Bapa Malaysia ini tidak dapat disangkal lagi dan telah menjulang nama Malaysia di persada antarabangsa. Tunku adalah insan yang bertanggungjawab menubuhkan Association of Southeast Asia (ASA) yang dianggotai oleh Malaya, Thailand dan Filipina pada tahun 1961. ASA kemudiannya berubah menjadi ASEAN yang kini dianggotai oleh 10 buah negara. Ini jelas membuktikan jasa dan sumbangan Tunku bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat di negaranya sendiri tapi turut dikecapi oleh negara-negara serantau.
13. Tunku juga banyak memberi sumbangan kepada perkembangan agama Islam di dalam dan juga luar negara. Tunku telah mengilhamkan pertandingan membaca al-Quran di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Pertandingan yang diadakan secara tahunan ini masih berterusan sehingga ke hari ini dan dikenali sebagai Majlis Tilawah al-Quran. Tunku menubuhkan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bagi membantu dan memberi bimbingan kepada golongan mualaf yang baharu memeluk Islam. Tunku juga telah menyertai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang kini dikenali sebagai

Pertubuhan Kerjasama Islam dan pernah menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama.

14. Tunku Abdul Rahman juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan dalam bidang sukan. Sejak dari kecil lagi, Tunku sememangnya mempunyai minat yang mendalam terhadap sukan bola sepak. Beliau adalah pengasas Pesta Bola Merdeka yang cukup popular dan turut disambut baik oleh negara-negara lain di Asia. Tunku juga pernah menjadi Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor, Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Presiden Konfederasi Bola Sepak Asia.
15. Setelah menamatkan kerjayanya dalam bidang politik, YTM Tunku memberikan tumpuan dalam bidang penulisan. Beliau adalah seorang penulis yang berbakat di mana tulisannya mampu menarik perhatian orang ramai. Tunku aktif menulis rencana dalam akhbar The Star di ruangan '*Looking Back*' dan '*As I See It*'.
16. Apa yang boleh kita simpulkan, negara di bawah pimpinan Tunku sebagai Perdana Menteri banyak membawa kemakmuran dengan terlaksananya projek-projek pembangunan infrastruktur, kesihatan, pendidikan dan pembasmian kemiskinan bagi meningkatkan sosio ekonomi rakyat dan negara yang lebih sempurna dan terjamin.

Hadirin hadirat yang saya muliakan sekalian,

17. Sesungguhnya, negarawan ulung ini telah membina, mencorak dan membuka langkah untuk Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya tidak hanya dari segi pembangunan malah kualiti rakyatnya. Tun Abdul Razak melalui ucapannya di Dewan Rakyat pada Februari 1972 juga mengakui ketokohan Tunku dengan menyatakan bahawa Tunku telah muncul pada saat yang penting dalam sejarah perjuangan bangsa kita. Tema “Negarawan Sejuta Jasa” adalah amat tepat bagi menggambarkan pengorbanan, sumbangsan dan jasa Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia ini.
18. Oleh itu, kemerdekaan yang telah diwariskan oleh YTM Tunku hendaklah sentiasa dipelihara sepetimana yang disebut oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman dalam pemasyturan kemerdekaan 67 tahun yang lalu. “Negara kita ini hendaklah kekal merdeka dan berdaulat, dan seluruh rakyatnya aman, sejahtera dan sentosa selama-lamanya.”. Kini, ia menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memelihara kemerdekaan ini dan memberi makna kepada sebuah negara yang bebas dan berdaulat. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan

Masyarakat Malaysia MADANI yang sentiasa saling hormat menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban yang diseliputi sifat ihsan, saling membantu bagi memastikan masyarakat hidup sejahtera tanpa bersengketa.

19. Bagi mengenang jasa dan sumbangan tokoh-tokoh negara serta melahirkan masyarakat yang celik sejarah dan mempunyai jati diri yang kukuh, kerajaan di dalam parlimen telah meluluskan pembinaan institusi arkib memorial yang ditadbir urus melalui Arkib Negara Malaysia. Sehingga kini sebanyak 11 buah Memorial/Galeria/ Pustaka/Rumah Kelahiran dibangunkan dan dibuka kepada orang ramai untuk lawatan. Salah satunya ialah Memorial Tunku Abdul Rahman Putra yang terletak di Jalan Dato Onn. Memorial ini telah dirasmikan pada 10 November 1994. Tahun ini genaplah 30 tahun usia memorial tersebut dibina.
20. Pada hari ini, kita amat bertuah kerana Yang Mulia Tunku Muinuddin Tunku Ahmad Nerang, cucunda kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra dapat bersama-sama kita untuk berkongsi kisah mengenai nendanya yang telah banyak berjasa kepada negara. Saya percaya kisah yang akan dikongsikan nanti bakal menyemarakkan lagi semangat kita dalam menyambut ulang tahun kemerdekaan negara tidak lama lagi.

21. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Arkib Negara Malaysia kerana menganjurkan program seumpama ini bagi menyuburkan kecintaan masyarakat kepada sejarah negara dengan mengenang dan menghargai sumbangan pemimpin-pemimpin terdahulu dalam memerdekakan dan mempertahankan kemerdekaan negara.
22. Akhir kata, dengan lafaz yang mulia Bismillahir rahmanir rahim saya merasmikan **Program Mengenang Negarawan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj “Negarawan Sejuta Jasa”**.

Terima kasih.

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.